

02/09/1998

Kerajaan beri keutamaan IPT

Ahmad Burak

KERAJAAN akan terus memberi keutamaan memajukan bidang pendidikan, termasuk membina institusi pengajian tinggi walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi, kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya, perhatian itu penting untuk melatih tenaga kerja mahir bagi keperluan industri berteknologi tinggi.

"Ini bukan sahaja dapat mengelakkan pertukaran mata wang, malah memastikan negara mempunyai bekalan tenaga profesional dan mahir mencukupi serta berupaya bergerak segera apabila ekonomi negara pulih," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Shukor Abdullah di majlis menandatangani perjanjian usahasama antara Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Perbadanan Taman Teknologi Kulim (KTPC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengerusi Tabung Haji, Datuk Ahmad Razali Mohd Ali dan Pengarah Urusan KTPC, Ahmad Shukri Tajuddin.

Najib berkata, bagi menggalakkan penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini, Kementerian Pendidikan sudahpun melaksanakan beberapa dasar yang perlu bagi melicinkan serta memantapkan kegiatan pendidikan negara.

Antara dasar yang sudah diperkenalkan ialah membenarkan penubuhan cawangan tempatan universiti asing, memperkenalkan program yang dikenali sebagai 3+0 bagi membolehkan pelajar tempatan menamatkan pengajian tanpa perlu ke luar negara.

Dasar lain yang turut diperkenalkan ialah penubuhan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bagi mengawal mutu pendidikan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta di dalam negara.

Sementara itu, Ahmad Shukri dalam ucapannya berkata, Institut Pengajian Tinggi Kulim (IPTK) yang kini beroperasi di premis sementara di Taman Teknologi Kulim sudah melahirkan 45 graduan dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik.

Menurutnya, graduan printis itu bekerja dalam sektor perindustrian di Taman Teknologi Tinggi Kulim (HKTP) dan kawasan perindustrian lain di negara ini.

Ahmad Shukri juga menjelaskan kampus induk IPTK akan dibangunkan di kawasan seluas 24.24 hektar di HKTP secara berperingkat.

(END)